

4 individu cederakan anggota DBKL direman

Kuala Lumpur: Empat individu, termasuk seorang wanita yang dipercayai terbabit mencederakan anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ketika menjalankan tugas pemantauan di dua lokasi berasingan di sini, kelmarin, direman antara dua hingga tiga hari bermula semalam.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman, berkata semua yang berusia antara 15 hingga 39 tahun ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

Mereka turut disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan.

Beliau berkata, dalam kejadian pada 11.30 pagi di Lorong Benteng, berlaku pergelutan di antara penguat kuasa DBKL dan suspek wanita berkenaan selepas dia diarahkan memindahkan trak makanan yang menghalang lalu lintas.

“Susulan pergelutan itu seorang anggota penguat kuasa mengalami kecederaan akibat digigit suspek.

“Wanita itu kemudian ditahan dan diserahkan kepada pihak polis serta direman dua hari hingga esok (hari ini),” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sulizmie Affendy berkata, kejadian kedua pula berlaku di Masjid India pada jam 10.08 malam, hari sama dan polis menerima maklumat mengenai kekecohan berlaku di situ membabitkan petugas DBKL dengan beberapa orang penjaja di hadapan premis perniagaan.

“Ketika melakukan penyuraian kekecohan anggota penguat kuasa DBKL dirempuh secara kasar dan anggota polis yang berada di lokasi, kemudian menahan tiga lelaki tempatan berusia 15 hingga 39 tahun untuk siasatan lanjut,” katanya.

Seorang daripada yang ditahan, katanya mempunyai satu rekod lampau berkaitan dadah dan mereka direman hingga hari ini.

DBKL dalam kenyataan semalam mengesahkan dua anggota penguat kuasanya cedera ketika menjalankan tugas pemantauan penjaja tidak berlesen di Bazar Ramadan dan Aidilfitri di lokasi berkenaan.

BERNAMA